



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4/12/2018

# 'PM lebih kenal Maszlee, Waytha'



Kita tidak duduk dalam sidang Kabinet, kita tidak duduk dalam setiap sesi menteri itu... yang Perdana Menteri katakan itu adalah penilaian beliau sebagai ketua kepada mereka”

**A Kadir Jasin,**  
Penasihat Khas Media dan Komunikasi Kepada Perdana Menteri

dak harus menyerah kalah. Beliau berkata, masalah timbul apabila ramai orang menolak akhbar kerana laporan politik tidak secocok dengan pendapat mereka sedangkan akhbar mempunyai maklumat lain yang penting dan perlu dipertahankan serta dipromosikan. Terdahulu dalam ucapannya, beliau menasihatkan menteri yang ada supaya tidak sombong kerana ia akan menjadi punca kejatuhan sesebuah parti, termasuk Pakatan Harapan (PH).

➔ Perdana Menteri berpuas hati prestasi dua menteri

Oleh Norasikin Daineh  
norasikin\_daineh  
@nstp.com.my

✦ Kota Kinabalu

**T**un Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan prestasi Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy kerana Perdana Menteri lebih mengenali serta rapat dengan dua menteri berkenaan.

Penasihat Khas Media dan Komunikasi Kepada Perdana Menteri, Datuk A Kadir Jasin, berkata Dr Mahathir mengetahui barisan Kabinetnya dan jika beliau mengatakan berpuas hati, semua pihak perlu menerimanya.

“Kita tidak duduk dalam si-

dang Kabinet, kita tidak duduk dalam setiap sesi menteri itu... yang Perdana Menteri katakan itu adalah penilaian beliau sebagai ketua kepada mereka,” katanya mengulas kritiknya terhadap dua menteri itu, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan dan menyampaikan Ucaptama Dialog Isu & Cabaran Komunikasi Strategik Dalam Era Malaysia Baharu di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Prof Dr Ismail Ibrahim yang mewakili Naib Canselor, Datuk Prof Dr D Kamarudin D Mudin dan Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA), Mugutan Vanar.

**Kritikan sekadar penilaian**  
Mengulas lanjut mengenai kritiknya itu, A Kadir berkata, sebagai wartawan ia adalah sekadar penilaian atau analisis berdasarkan apa yang diketahuhi.

Kadir dalam blognya *The Scribe*, membuat teguran berbau sindiran ditujukan kepada Ma-

szlee dan Waytha Moorthy yang masing-masing terpalit pelbagai kecaman dalam kalangan masyarakat sejak kebelakangan ini.

Namun, Perdana Menteri menyatakan beliau berpuas hati terhadap prestasi kedua-dua menterinya itu.

**Pertahan akhbar bercetak**  
Mengulas pandangannya terhadap beberapa media cetak yang tidak lagi mampu mengeluarkan laporan akhbar bercetak, sebaliknya lebih kepada laporan berita dalam talian atau portal, A Kadir berkata, laporan akhbar bercetak harus dipertahankan.

“Kita tidak harus dikawal teknologi. Saya rasa membaca surat khabar dan buku masih penting kerana jika hanya baca dalam talian atau aplikasi WhatsApp, kita tidak mendapat gambaran secukupnya.

“Kita boleh baca berita portal, tetapi saya rasa membaca bahan bercetak masih penting kerana akhbar dan buku mempunyai unsur arkib, boleh disimpan dan diulang baca,” katanya sambil menambah walaupun keadaan perniagaan (akhbar) kini sukar, namun ti-

BH-4/12/2018  
m/s: 14